

21/12/2001

Kumpulan B tekad bertindak balas terhadap penggantungan CC Pemuda MCA

KUALA LUMPUR, Khamis - Kumpulan B yang diketuai Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek, bertekad akan bertindak balas terhadap keputusan Jawatankuasa Pusat (CC) MCA menggantung CC Pemuda parti itu selepas mendapat maklum balas ahli pada peringkat akar umbi.

Lim berkata, kumpulan itu harus mendapatkan maklum balas akar umbi kerana mereka dipilih ahli parti.

Beliau membuat kenyataan ringkas itu dalam sidang akhbar berasingan selepas mesyuarat CC MCA, petang ini.

Naib Presiden MCA, Datuk Chua Jui Meng yang turut hadir pada sidang akhbar itu pula berkata, pihaknya akan mengadakan siri perjumpaan dengan masyarakat dan ahli parti itu di seluruh negara untuk menjelaskan isu berkenaan.

"Kami akan menjelaskan apa sebenarnya berlaku dalam Pemuda MCA dan mendengar pandangan serta maklum balas mereka sebelum mengambil tindakan pemutus," katanya.

Beliau yang juga Menteri Kesihatan turut menjemput ahli MCA dan masyarakat Cina menghadiri perhimpunan terbesar bersama Datuk Seri Dr Mahahir Mohamad esok sempena majlis perayaan tradisi Cina 'Dong Zhi' di Stadium Putra, Bukit Jalil, di sini.

Katanya, perhimpunan itu bukan untuk menyokong Presiden MCA, Datuk Dr Ling Liong Sik, tetapi bagi menunjukkan sokongan terhadap Perdana Menteri dan Barisan Nasional (BN).

Ditanya adakah kumpulan itu akan meminta campur tangan Dr Mahathir, Chua berkata: "Adalah tidak adil kepadanya. Tetapi kami akan terus memaklumkan perkembangan terbaru dalam parti ini kepada beliau."

Beliau juga memberi jaminan pihaknya akan bertindak secara rasional, tetapi tidak akan berkompromi untuk menegakkan keadilan.

Seorang lagi Naib Presiden MCA, Datuk Chan Kong Choy yang menyertai kumpulan B, pula mendakwa MCA meluluskan kemasukan lebih 138,132 ahli dalam masa enam bulan dengan kira-kira 15 peratus yang tidak mempunyai maklumat lengkap.

Katanya, hari ini saja CC meluluskan kemasukan 105,132 ahli dan 33,000 ahli lagi sejak Jun lalu.

Ketua Pemuda MCA Datuk Ong Tee Keat pula berkata, keputusan CC MCA tidak akan meruntuhkan semangat Pemuda, terutama di kalangan pemimpinnya.

"Kami tidak bimbang dengan keputusan itu dan kami pasti akan berkempen secara aktif bagi pilihan raya kecil," katanya merujuk pilihan raya kecil yang akan diadakan berikutan kematian Ahli Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan Datuk Khor Liang Tee.

Ong berkata, pemimpin Pemuda termasuk beliau sendiri bertanggungjawab untuk mendapatkan sokongan masyarakat Cina untuk membolehkan mereka berdiri di belakang Barisan Nasional.

(END)